

SPEKIFIKASI PIAWAIAN DAN GRED ROSELLE

(REF : PIAWAIAN MALAYSIA MS : XXXX:XXXX)

1.0 SKOP

Spesifikasi piawaian dan gred ini adalah untuk Roselle atau nama botaninya *Hibiscus subdariffa* L. dari keluarga *Malvaceae*. yang dipasarkan segar.

2.0 DEFINISI TERMA

2.1 Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang digunakan akan bermaksud:

2.2 Kaliks – biji Roselle yang berwarna putih susu dan belum berisi sepenuhnya

2.3 Kematangan - Terdiri daripada empat (4) indeks seperti berikut:

2.1.1. Indeks 1 - Terlalu Muda. Usia kaliks kurang 20 hari. Biji masih rapat pada kaliks. Belum sesuai untuk pasaran.

2.1.2. Indeks 2 - Permulaan matang. Usia kaliks 20 – 25 hari. Tampoknya berwarna cerah (merah gelap). Biji mula kelihatan lekang dari kaliks, kelopak melentik. Sesuai untuk pasaran ekspot.

2.1.3. Indeks 3 – Cukup matang. Usia kaliks 26 – 32 hari. Biji jelas kelihatan lekang dari kaliks. Jejeri Kelopak telah terbuka. Sesuai dipasarkan untuk pelbagai guna.

2.1.4. Indeks 4 - Terlalu tua. Usia kaliks lebih 33 hari. Biji mula kering dan merkah. Kelopak kaliks keras berserat.

2.4 Segar – Kernel jagung yang tegar, berkilat dan tidak kecut.

2.5 Penuh terisi – Kernel yang terbentuk penuh dan teratur di sekeliling tongkol.

2.6 Kecacatan – Roselle yang mempunyai tanda–tanda yang menjejaskan keseluruhan rupa termasuk kotor dan cacat.

2.6.1 Kotor –Roselle yang terdapat kesan-kesan benda asing yang tidak dibersihkan seperti sarang serangga, tanah, sisa-sisa racun perosak dan lain-lain bahan asing.

- 2.6.2 Cacat – Tongkol Roselle yang tidak terisi penuh disebabkan pembentukan kernel yang tidak sempurna dan tidak menyerupai normal. Bahagian tongkol yang tidak terisi hendaklah melebihi 10% permukaan tongkol.
- 2.6.3 **KECACATAN** - Kaliks yang mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan persembahan termasuk kotor, cacat mekanikal/cacat rupa.
- 2.7 Rosak – Sebarang kecederaan atau kerosakan disebabkan oleh serangga perosak, penyakit dan kecederaan mekanikal disebabkan pengendalian yang akan menjejaskan jangka hayat simpanan, pemakanan dan kualiti.
- 2.8 Garispusat – Ukuran terbesar tongkol Roselle yang masih berkulit pada sudut 90 darjah garis lintang.
- 2.9 Panjang – Ukuran dari pangkal ke hujung tongkol yang berisi penuh.

3.0 KEPERLUAN MINIMUM

- 3.1 Tangkai Roselle tidak melebihi 5 sm dari pangkal tongkol.
- 3.2 Tongkol Roselle telah dibuat perapian dengan membuang empat helai kulit luar.
- 3.3 Agak bebas daripada kerosakan disebabkan oleh kecederaan mekanikal, perosak dan penyakit.
- 3.4 Agak bebas daripada kecacatan dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.
- 3.5 Telah mencapai peringkat kematangan yang dikehendaki oleh pasaran.

4.0 PENGELASAN GRED DAN SAIZ

- 4.1 Roselle dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:-

GRED	SPEKIFIKASI	KELONGGARAN (MAKSIMUM)
Premium	Roselle dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan matang. Mempunyai saiz	Kematangan < 3 % Segar < 3 % Rosak ≤ 3%

	dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kecacatan $\leq 3\%$ Keseragaman saiz $\leq 5\%$
1	Roselle dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan matang. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan $< 3\%$ Segar $< 3\%$ Rosak $\leq 3\%$ Kecacatan $\leq 5\%$ Keseragaman saiz $\leq 10\%$
2	Roselle dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan matang. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan $< 3\%$ Segar $< 3\%$ Rosak $\leq 5\%$ Kecacatan $\leq 10\%$ Keseragaman saiz $\leq 10\%$

4.2 Bagi Roselle saiz ditentukan oleh panjang dan garispusat dalam unit sentimeter (sm) sepertimana jadual berikut;

Saiz	Kod	Berbiji (g)	Tanpa Biji (g)
Kecil	S	8	3.99
Sedang	M	10	4.99
Besar	L	12	5.99
Lebis Besar	XL	12	6.00

5.0 PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

5.1 Pembungkusan

Roselle daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optima daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.

5.2 Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

5.3 Pelabelan.

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.3.1 Tarikh:
- 5.3.2 Nama/Kod Penanam
- 5.3.3 Nama/Kod pengeksport/ Kod pengimport
- 5.3.4 No. Kad Pengenalan
- 5.3.5 No. Pendaftaran syarikat
- 5.3.6 Alamat
- 5.3.7 Komoditi
- 5.3.8 Berat bersih
- 5.3.9 Gred

6.0 PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 1187 "Method of Sampling For Fresh Vegetables", atau kaedah statistik yang dipersetujui.